

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA

DATO SERI DATIN PADUKA

DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI

DI PERASMIAN PENYERAHAN BENGKEL INDUSTRI MINI

KEM PEMADAM, DI SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR

PADA HARI SABTU, 22HB. FEBRUARI, 1986

PUKUL 10.00 PAGI

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Yang Berbahagia Tuan Pengerusi;

Yang Berhormat Datuk Rais Yatim,
Menteri Penerangan merangkap Yang
Di-Pertua PEMADAM Kebangsaan;

Yang Berbahagia Tuan Pengurus Citibank;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana diberi peluang untuk merasmikan penyerahan Bengkel Industri

Mini KEM PEMADAM Sungai Besi yang telah diusahakan oleh pihak Citibank bersama-sama dengan rakan-rakannya pada pagi ini.

2. Langkah mengadakan bengkel seperti ini merupakan satu langkah yang baik dalam usaha membantu Kerajaan melatih dan seterusnya menolong bekas-bekas penagih dadah mendapatkan pekerjaan. Bengkel ini merupakan salah satu tempat yang paling sesuai sekali bagi membimbing dan melatih penghuni-penghuni di Pusat ini dengan ilmu pengetahuan dalam berbagai bidang kemahiran menerusi kerjaya yang ada di Pusat ini. Saya percaya peluang kemahiran ini akan mendorong mereka untuk menceburkan diri dalam berbagai bidang pekerjaan dan akan dapat menjauhkan diri mereka daripada balik semula kepada tabiat lama mereka iaitu menyalah-gunakan dadah. Mudah-mudahan mereka akan menjadi seorang yang berjaya dalam kerjaya yang mereka ceburi nanti.

3. Dalam hubungan ini, adalah diharapkan pelatih-pelatih di Pusat ini akan dapat memberikan sepenuh perhatian dan minat kepada bidang-bidang kemahiran yang di ikuti. Adalah diharapkan para pelatih sekalian akan dapat menggunakan peluang seperti ini demi membaiki dan menjamin masa depan yang cerah, bukan sahaja kepada para pelatih dan keluarga masing-masing, bahkan juga kepada masyarakat amnya.

4. Masalah pengangguran di kalangan bekas penagih dadah yang telah dipulihkan dari pusat-pusat pemulihan di negara

ini akan dapat dikurangkan dengan menyediakan atau mengadakan lebih banyak lagi bengkel untuk melatih mereka, dan ini akan dapat meringankan beban yang selama ini ditanggung oleh pihak Kerajaan. Dalam hal ini, kita tidak seharusnya mengharapkan Kerajaan semata-mata, tetapi penyertaan dan penglibatan, sama ada oleh individu-individu, sektor swasta atau agensi-agensi Kerajaan, adalah penting bagi memastikan usaha ini tercapai.

5. Mengikut perangkaan, bilangan penagih dadah yang berdaftar dari tahun 1970 sehingga tahun 1985 ialah berjumlah kira-kira 109,000 orang. Jika penagih dadah yang sedemikian ramai ini tidak dapat dipulihkan dan mereka tidak diberikan peluang pekerjaan atau latihan setelah dipulihkan, maka jumlah penganggur di negara ini akan meningkat dan ini akan merumitkan Kerajaan. Sebagaimana yang kita ketahui, ramai lagi tenaga pekerja kita yang masih menunggu peluang pekerjaan.

6. Saya berharap agar pusat-pusat pemulihan dadah di negara ini dapat menentukan bahawa mata-mata pelajaran yang diajarkan kepada para pelatih dapat diterima dengan mudah oleh mereka. Mata-mata pelajaran seharusnya dapat memberi faedah kepada para pelatih dalam berbagai bidang kemahiran seperti vokesyenal, pertanian, perikanan dan perusahaan ringan kerana peluang pekerjaan seperti ini tidak memerlukan kelulusan akademik yang tinggi.

7. Saya berharap pihak swasta dan agensi-agensi Kerajaan yang lain yang ada mempunyai kepakaran, kemudahan-kemudahan dan apa sahaja bantuan yang boleh dihulurkan dalam bidang-bidang yang saya sebutkan itu akan dapat sama-sama memberi perhatian dalam usaha menjayakan projek Bengkel Industri Mini PEMADAM ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa PEMADAM Kebangsaan kerana memberi perhatian berat untuk membantu penghuni-penghuni di Kem ini supaya mereka dapat berdikari dan memajukan diri masing-masing apabila mereka keluar dari Pusat ini. Dengan semangat dan kesedaran yang kita bencikan penyalah-gunaan dadah ini, kita akan dapat membantu usaha-usaha PEMADAM ke arah kejayaannya. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Citibank dan rakan-rakannya di atas usahanya membuka bengkel seperti ini.

9. Dengan doa semoga Allah Subhanahu Wataala akan memberkati usaha yang murni ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Penyerahan Bengkel Industri Mini KEM PEMADAM Sungai Besi.

WJabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
